

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HLU 411 Teori dan Prinsip-Prinsip Teater

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Teori klasik drama Europa sejak zaman Aristotle ke akhir zaman Renaissance sentiasa memberi keutamaan kepada tragedi jika dibandingkan dengan komedi. Kenapa demikian? Bincangkan konsep tragedi yang dikemukakan oleh Aristotle dan Horace.
2. "Semenjak zaman Aristotle berulang kali ditegaskan bahawa peranan drama adalah untuk memberi faedah (profit) dan hiburan (delight), tetapi pandangan tentang apa yang dimaksudkan dengan istilah-istilah "faedah" dan "hiburan" itu sentiasa berubah dari masa ke semasa." Apakah perbezaan yang dapat dilihat dalam teori-teori klasik dan moden mengenai peranan teater dan juga peranan para penonton? Anda diminta mencerminkan perbincangan anda dengan rujukan kepada skrip-skrip drama dan pementasan-pementasan tertentu.
3. Bincangkan istilah "neo classicism". Sejauhmanakah, bagi pendapat anda, drama-drama Phaedra, karya Jean Racine dan Hamlet karya William Shakespeare merupakan drama-drama "neo classic" yang tipikal?

.../2

4. "Romanticism" dianggap sebagai satu pergerakan kesenian yang agak moden. Bagi pendapat anda adakah ulasan ini benar jika diambil kira dari segi teater dan drama? Anda diminta mencerminkan perbincangan anda dengan rujukan kepada sekurang-kurangnya sebuah skrip drama yang sesuai serta stail persembahan yang dibayangkan oleh para tokoh "Romanticism".

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. SAMA ADA

- (a) Apakah ciri-ciri utama yang dianggap penting dalam aliran "Naturalism" dari segi kandungan, stail tulisan serta cara persembahan teater? Bagi pendapat anda kenapakah aliran "Naturalism" yang begitu dicari-cari ditolak pula oleh ramai tokoh teater setelah dicapai? Anda diminta mencerminkan perbincangan anda dengan rujukan kepada skrip-skrip drama pilihan anda.

ATAU

- (b) Apakah sumbangan Konstantin Stanislavski kepada teater dan drama moden? Untuk memperkukuhkan jawapan anda, anda diminta rujuk kepada pementasan-pementasan tertentu.
6. Bincangkan dengan terperinci aliran "Theatre of Cruelty" yang dikemukakan oleh Antonin Artaud. Bagi pendapat anda mungkinkah teater seperti itu dapat dihasilkan? Anda diminta merujuk kepada skrip drama serta pementasan untuk mencerminkan perbincangan anda.
7. Apakah anda faham tentang istilah Teater Absurd? Anda diminta memberikan contoh-contoh skrip yang sesuai untuk menggambarkan perbincangan anda.

-ooooOOoooo-